

## Hubungan Indonesia-Barat dalam Pasca 1965

### *The Indonesia-West Relations Post 1965*

ROHANI HJ. AB GHANI

#### ABSTRAK

*Kemunculan kerajaan Order Baru yang dipimpin Presiden Suharto telah menukar paradigma dasar luar Indonesia menjadi lebih rapat dengan negara Barat berbanding dengan zaman kekuasaan Presiden Sukarno. Artikel ini membincangkan mengenai senario yang membawa kepada kewujudan peluang kepada negara kuasa Barat seperti Amerika Syarikat (AS) dan Britain untuk menguatkan pengaruh di negara itu. Selain itu, artikel ini juga turut menganalisis dimensi hubungan yang lebih makro yang berbentuk multilateral dengan negara-negara sekutu Barat yang lain seperti Australia, New Zealand, Jepun dan Perancis serta pertubuhan-pertubuhan antarabangsa. Hubungan ini direalisasikan melalui kerjasama ekonomi, sosial dan kebudayaan demi kepentingan pembangunan Indonesia dalam era pentadbiran Order Baru. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan historiografi. Data-data sejarah dianalisis secara diskriptif dengan menggunakan sumber-sumber primer dan sekunder. Bahan-bahan primer merupakan rekod-rekod rasmi kerajaan British yang diperoleh dari Arkib Negara United Kingdom dan rekod-rekod Jabatan Negara AS yang diakses dari laman sesawang rasmi Arkib Jabatan Luar AS (Office of Historians). Bahan-bahan sekunder yang terdiri daripada buku, artikel dan bahan-bahan atas talian. Dapatan utama penulisan ini membuktikan elemen 'soft power' iaitu bantuan ekonomi dan sosial telah membentuk persekitaran politik baru di Indonesia semasa era Order Baru. Tujuan bantuan-bantuan ini adalah bertujuan untuk mengukuhkan pengaruh di rantau ini dalam menyekat ancaman komunis di Asia Tenggara (AT) semasa Perang Dingin.*

*Kata kunci: Order Baru; Presiden Suharto; Presiden Sukarno; soft power; Perang Dingin*

#### ABSTRACT

*The emergence of the New Order government led by President Suharto has shift of Indonesia's foreign policy paradigm to become closer with Western countries than President Sukarno's power. It has given Western countries such as the United States (US) and Britain of opportunities to strengthen their influence. This relationship forms a greater dimension when Indonesia also developed a significant multilateral relation with other Western allies, such as Australia, New Zealand, Japan and France, and international organizations through the economic, social and cultural cooperation. With a historical approach, this article incorporates with the qualitative method. Historical data is analyzed descriptively using primary and secondary sources. The primary materials are the British government official documents gathered the British National Archive and the US State Department's records accessed from the US Department of Foreign Affairs Archive official websites. While secondary materials consist of books, articles and online materials. The findings of this article proved the soft power elements that are economic and social assistance which formed a new political circumstance in Indonesia during New Order Era period. The aims of these assistance were to strengthen the Western influence in this region in controlling communist threaten during the Cold War in South East Asia (SEA).*

*Keywords: New Order; President Suharto; President Sukarno; soft power; Cold War*

#### PENGENALAN

Perubahan politik Indonesia berikutan dengan kegagalan percubaan rampasan kuasa dalam tragedi Gestapu 30 September 1965 atau dikenali juga sebagai G30S/PKI memberikan impak yang besar dalam lanskap sosio-politik dan pentadbiran negara itu. Kepimpinan Indonesia telah diambil alih oleh Presiden Suharto melalui penyerahan kuasa oleh Sukarno pada 11 Mac 1966 dan diikuti

dengan perletakkan jawatan oleh Sukarno pada 20 Februari 1967 dalam satu mesyuarat khas kabinet. Perkembangan terbaru di Indonesia ini sekaligus telah melumpuhkan kekuatan Partai Komunis Indonesia (PKI) dan menyingkirkan pengaruh kuasa komunis khususnya China dalam politik negara tersebut. Persekitaran politik terbaharu ini telah membawa perubahan secara langsung dalam perspektif dasar luar dan hala tuju hubungan Indonesia terutama dengan negara-negara Barat.

Pada umumnya, Indonesia sememangnya telah mempunyai hubungan yang signifikan dengan beberapa buah negara Barat khususnya AS, Britain dan Australia. Dari segi sejarah Indonesia selepas Perang Dunia Kedua (PDII), Britain merupakan kuasa Barat yang secara de facto mentadbir Indonesia. Sebelum pendaratan semula Belanda di negara itu dan banyak terlibat dalam siri rundingan penyerahan kuasa antara Belanda dan Indonesia. Mengimbuai kembali sejarah pendaratan British, Ramadhian Fadillah dalam Merdeka.com (2018), menyatakan;

Tentara Inggris datang ke Indonesia sebagai pemenang perang dunia II. Mereka bertujuan untuk melucuti tentara Jepang yang kalah perang. Inggris juga diberi mandat untuk memulihkan, apa yang disebut pihak sekutu, 'ketertiban' di Indonesia. Artinya mereka akan mengembalikan Indonesia pada jajahan Belanda, seperti pada era sebelum perang.

Manakala AS dan Australia merupakan negara kuasa Barat yang banyak memberikan sokongan kepada Indonesia dalam konflik Indonesia-Belanda di peringkat antarabangsa selepas tahun 1945. Walau bagaimanapun, AS dan Australia mempunyai beberapa perbezaan pandangan mengenai penguasaan semula Belanda dan sokongan British ke atas Belanda di Indonesia selepas 1945.

Dari segi dasar luar Indonesia, berdasarkan kepada pengalaman berada di bawah penjajahan Belanda, ianya telah membentuk prinsip anti-kolonialisme serta revolusioner yang dibawakan oleh kepimpinan Sukarno. Pendekatan ini dipengaruhi oleh sejarah kemerdekaan Indonesia itu sendiri sebagaimana yang dinyatakan oleh Rizal Sukma (1995);

*Indonesia's strong commitment to anti-colonialism and the bebas aktif foreign policy had its origins in the country's independence struggle. Independence was proclaimed on the August 17, 1945 by the country's two most prominent nationalist leaders, Sukarno and Hatta, but did not receive international recognition.*

Latar belakang sejarah perjuangan mencapai kemerdekaan negara telah menyebabkan Indonesia bersikap tidak 'mesra Barat' berbanding dengan hubungannya dengan kuasa-kuasa dari blok komunis dan Negara-Negara Berkecuali. Secara umumnya, prinsip dasar luar Indonesia semasa pemerintahan Sukarno adalah bebas – aktif dan tidak campur tangan dalam hal ehwal negara-negara lain dan sedia bekerjasama dengan semua negara. Ianya dibuktikan oleh hubungan baik negara itu dengan

semua negara luar atas prinsip bebas-aktif. Sesuai dengan pendekatan ini, Indonesia juga merupakan negara yang mengungguli pergerakan negara-negara Afro-Asia. Dalam masa yang sama, cuba mengimbangi hubungan dengan kuasa besar semasa dunia iaitu AS dan Rusia (USSR) sebagaimana yang dinyatakan oleh Hatta (1951) dalam bukunya Mendajung Antara Dua Karang. Tidak dapat dinafikan, walaupun Indonesia mengamalkan dasar bebas aktif, namun ianya mempunyai hubungan rapat dengan negara China yang terlibat dalam beberapa projek pembangunan ekonomi Indonesia (FO 371/180310, DH 1015/29). Sukarno juga telah memohon bantuan China untuk membiayai beberapa projek yang berkait dengan CONEFO (Conference of the New Emerging Forces) termasuk membina bangunan CONEFO di Jakarta (FO 371/180311, DH 1015/34). Hubungan dengan China merupakan satu pilihan bagi dasar luar Indonesia dalam era Order Lama dalam memastikan ketahanan kerajaan yang baru dibina kerana Indonesia sendiri sedang berdepan dengan pelbagai masalah dalaman dan luaran, sebagaimana yang dinyatakan oleh Kus Hananto & Sity Daud (2020);

*“During the Old Order, the Indonesian military faced various physical conflict to defend their independence from Netherlands military aggression, various armed rebellions and instability of domestic politics.”*

Dalam pada itu, berasaskan kepada dasar anti-kolonialisme mereka, Indonesia terus bersikap dingin dengan beberapa negara Barat. Sikap ini bertukar menjadi kemarahan berikutan dengan meletusnya konfrontasi Indonesia-Malaysia pada tahun 1963 berikutan dengan rancangan penubuhan Malaysia 1963. Jakarta mendakwa penubuhan Malaysia ditaja oleh British dan merupakan projek penjajahan bentuk baru yang bertujuan untuk mengepung Indonesia. Dalam ucapannya di Malang, Indonesia, Sukarno berkata, *“We are now living in a situation in which we are encircled by anti-revolutionary and imperialist elements...”* (CO 1030/1471. 1962). Selanjutnya, Indonesia juga memutuskan untuk melancarkan dasar konfrontasi ke atas Malaysia sebagaimana yang dilaporkan oleh media British.

*Subandrio is reported by the Press to have declared that Indonesia would have to adopt a policy of confrontation against Malaya because the Malaysians were at present acting as “the henchmen of neo-Imperialism and neo-Colonialism pursuing a policy hostile to Indonesia (CO 1030/1471, no. 54).*

Sikap Sukarno terhadap Barat dan pengaruh PKI dalam pentadbiran Indonesia sebelum tahun 1965 telah mewujudkan konflik antara kedua-dua belah pihak. Apabila Sukarno dijatuhkan dalam peristiwa G30S/PKI dan kemunculan Order Baru telah memberikan peluang kepada kuasa Barat untuk lebih rapat dengan Indonesia. Peluang ini juga selari dengan perubahan dasar luar dalam era Order Baru yang bersifat lebih pragmatik pro-Barat walaupun masih berpegang kepada prinsip bebas-aktif. Dasar baru ini juga bersifat mempertahankan kepentingan negara daripada penderitaan rakyat di samping meningkatkan penyertaan dalam keamanan dunia berbanding dengan bersifat revolusioner pada zaman sebelum ini.

#### KEPENTINGAN INDONESIA BAGI KUASA BARAT

Secara umumnya, kehadiran penjajah (Barat dan Timur) telah banyak memberi pengalaman luas betapa pentingnya rantau AT di mata penjajah sebagai lokasi perdagangan, perantara budaya timur dan barat, sumber bahan mentah bagi tujuan pembangunan dan perindustrian. (Loganathan, et.al, 2020). Bagi kuasa Barat, faktor geo-politik Indonesia telah meletakkan negara itu sebagai wilayah penting di rantau ini dan mampu menjadi faktor penentu kepada keamanan dan kestabilan AT. Malahan bagi kuasa Barat, seluruh rantau ini adalah penting demi penerusan rangka strategi dan keselamatan mereka. Mereka berpandangan bahawa rantau ini merupakan satu kawasan yang sering terdedah kepada pemberontakan dan kekerasan yang didorong oleh pengaruh luar dan dijalankan oleh anasir-anasir dalam negara. Keadaan ini mampu mencetuskan keadaan yang tidak menentu dalam aspek sosial, ekonomi dan politik. Berikutan dengan perkembangan politik dan keselamatan yang sedang berlaku di Vietnam, British memutuskan untuk menumpukan perhatian di beberapa negara di AT termasuk Indonesia. Perkara ini dinyatakan dengan jelas dalam kertas cadangan yang dikemukakan oleh Setiausaha Rendah Parlimen Negara mengenai polisi British di Asia Timur. Ia antara lain menyatakan;

*This is not to suggest that for us the outcome in Vietnam is merely incidental, but Vietnam is not our point of departure. Time may even show that not only for us but for the peoples of the area, the Americans and the Australians also, the East Asia watershed is not ahead of us in Vietnam but lies behind us in Indonesia (FCO 24/7, 1967).*

Pakar-pakar strategi Barat berpendapat bahawa sumber alam semula jadi dan potensi pengeluaran pertanian di AT dapat menjadikan rantau ini mampu menyediakan kehidupan yang selesa bagi penduduk. Mereka juga berpandangan bahawa AT merupakan kawasan yang sangat berpotensi sebagai pembekal bahan mentah dan sebahagian besar potensi ini berada di Indonesia. Malah sejak 1948, S.K. Hornbeck dari Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS), salah seorang yang mengetuai kumpulan pakar bagi kawasan Timur Jauh menyatakan bahawa Indonesia (Hindia Timur) sebagai “*the world’s richest island empire... a region of political, economic and strategic importance to the whole world*” (McMohan,1981). Walau bagaimanapun, mereka berpandangan potensi ini perlu diurus dengan sistem ekonomi dan pertanian yang lebih efisien.

Sehubungan dengan itu, pihak Barat telah mengenal pasti pelaksanaan sebarang dasar ke atas AT perlu selari dengan tuntutan rakyat untuk mengelakkan muncul gerakan penentangan tempatan terhadap kuasa Barat. Selain itu, mereka juga perlu menghindari sebarang langkah campur tangan dalam pertelingkahan tempatan bagi mengelakkan peningkatan kos perbelanjaan mereka di seberang laut. Selari dengan matlamat untuk memantapkan pengaruh Barat di rantau ini, negara-negara kuasa besar seperti British dan Amerika merangka kerjasama dengan rakan-rakan sekutu mereka untuk terlibat dalam pembangunan sosio-ekonomi negara-negara di AT berasaskan kepada permintaan dan keperluan negara-negara tersebut (FCO 24/7, 1967).

Sementara itu, perkembangan yang berlaku di Indonesia pasca 1965 sebenarnya merupakan saat yang dinanti-nantikan oleh pihak Barat. Kejatuhan Presiden Sukarno yang dilihat sangat condong kepada pihak komunis melalui sokongan kuatnya kepada PKI adalah bertepatan dengan dasar Barat yang menentang komunisme dalam era Perang Dingin (Phytian, 2000). Peristiwa G30S/PKI yang sehingga kini masih menjadi misteri mengundang banyak persoalan mengenai penglibatan kuasa-kuasa Barat dalam peristiwa ini berdasarkan kepada pendekatan konfrontasi Sukarno dengan negara-negara Barat (Rohani & Muhammad Saleh, 2018). Mereka antara lain adalah P.D. Scott (2009), R. McGehee (1983), B.R. Anderson (2013) dan John Roosa (2006) selain persoalan mengenai keterlibatan pihak tentera Indonesia sendiri.

Konfrontasi dengan negara Barat tercetus apabila Sukarno secara jelas memperlihatkan

dirinya sebagai pemimpin yang anti-Barat dan pro-komunis melalui prinsip dan pendekatannya yang bertentangan dengan kepentingan Barat. Dari segi dasar luar, Presiden Sukarno merupakan pemimpin yang mempelopori pergerakan Afro-Asia yang menentang kolonialisme. Pendirian ini terkandung dalam ucapannya semasa Persidangan Afro-Asia iaitu; "... *Let us create a new world without the sucking of man by man. Let us build a new world without imperialism, colonialism, and neo-colonialism*" (DEFE 11/786, No. 499). Sukarno secara jelas mengaitkan kuasa Barat dengan gerakan imperialism, kolonialisme dan neo-kolonialisme dan bertentangan dengan prinsip dasar luar Indonesia. Sebaliknya, bagi kuasa Barat, Sukarno bukan sahaja berbahaya bagi politik Indonesia malah bagi negara-negara Dunia Ketiga. Perkara ini diulas oleh May (1978) yang menyatakan;

*Sukarno was not only a leader but a thinker whose ideas influenced much of the Third World, where he is still remembered with respect. He helped to give coherence to the aspirations of the New Emerging Forces – one of the numerous concepts that he originated. A conference (Conefo) at which he was to have tried to unite these forces, as he had done to a considerable extent with the diverse elements of Indonesia itself, ....*

Barat berpendapat bahawa Sukarno merupakan pemimpin yang berbahaya kerana dia lebih cenderung kepada komunis dan mengancam pengaruh Barat. Oleh yang demikian, bagi memastikan kepentingan mereka (Barat) di Indonesia berterusan, kepimpinan negara itu perlu dikuasai oleh mereka yang boleh didampingi oleh mereka yang tidak memihak kepada komunis walaupun tidak pro-Barat. Pendirian ini dinyatakan dalam dokumen rasmi British iaitu;

*... what we want is a South-East Asia which, is if not pro-Western, is not, at any rate, hostile to us and is not under Chinese domination. One key to the future has always been Indonesia; as long as Indonesia appeared to be headed for domination by the PKI, the prospects were gloomy....(DO 169/349, No. 15/30/7)*

Berikutan dengan peralihan kepimpinan Indonesia dengan kemunculan Suharto sebagai pemimpin Order Baru, ianya telah mewujudkan persekitaran politik yang paling sesuai bagi kuasa Barat untuk menguatkan pengaruh mereka di negara tersebut atas kepentingan politik dalam era Perang Dingin. Seterusnya, persekitaran baru ini juga boleh dimanfaatkan bagi keperluan ekonomi luar negara kuasa Barat di Indonesia khususnya dan AT amnya.

## PEMERINTAHAN ORDER BARU

Zaman Order Baru menggantikan Order Lama yang merujuk kepada era negara Indonesia diperintah oleh Presiden Sukarno. Kemunculan zaman Order Baru bermula selepas Surat Perintah 11 Maret 1966 iaitu penyerahan kuasa secara rasmi daripada Sukarno kepada Suharto. Zaman Order Baru berlangsung dari tahun 1966 hingga 1998 iaitu sepanjang pemerintahan Suharto sebagai presiden kedua Indonesia. Menurut Andi Suwirta (2018),

Orde Baru lahir secara dramatis pada tahun 1966, ketika bangsa Indonesia mengalami suatu perubahan orientasi yang luar biasa di segala bidang, baik dalam bidang politik, ideologi, dan ekonomi maupun sosial dan kebudayaan. Dalam konteks ini, kelompok TNI-AD (Tentara Nasional Indonesia-Angkatan Darat), di bawah pimpinan Jenderal Soeharto, secara bertahap menerima pengalihan kekuasaan dari Presiden Soekarno dan mulai menata kembali masyarakat Indonesia.

Kepimpinan Order Baru adalah berikutan kejayaan mereka mengharungi beberapa halangan besar seperti kuasa Presiden Sukarno dan PKI. Kerajaan Order Baru dengan jelas menunjukkan pertentangan terhadap PKI dan kumpulan-kumpulan yang berkaitan dengan parti komunis ini. Sehubungan dengan itu, kepimpinan Suharto telah menjalankan gerakan dasar pembersihan terhadap PKI melalui kekuatan tentera yang menunjangi kerajaan Order Baru. Menurut Renhoard, "melalui TNI yang memobilisasi ratusan ribu relawan sipil di berbagai daerah untuk membantu mendata, menahan bahkan mengeksekusi kader-kader PKI dan membantai para anggota" (John Musa Renhoard, 2019). Ketika peralihan kekuasaan dari Order Lama ke Order Baru, militer merupakan kekuatan penting dalam menentukan hala tuju politik. Kekuatan tentera khususnya Angkatan Darat (AD) menjadi tulang belakang kepada pemerintahan Indonesia. Perkara ini ditegaskan oleh Syarifuddin Jurdi (2015),

bahkan melalui tragedi politik 1965 itulah awal penciptaan tradisi "baru" militer Indonesia yang secara langsung mencampuri urusan politik. Pos-pos penting dalam struktur kekuasaan negara diberikan kepada pejabat-pejabat militer, termasuk sampai struktur kekuasaan di daerah-daerah.

Perkara ini dilihat sebagai kekuatan pihak tentera Indonesia sebagai salah satu golongan fungsional (golongan karya) yang bergerak dalam bidang yang jauh lebih luas daripada masa-masa sebelumnya (Yahya, 1982). Kemunculan tenaga baru dalam pentadbiran Indonesia ini jelas memperlihatkan

paradigma yang berbeza secara total berbanding dengan zaman Sukarno. Zaman Order Baru juga disifatkan sebagai era otoritarian pemerintah elit politik lokal yang lebih sering memainkan peranan untuk mewujudkan kepentingan pemerintah pusat berbanding dengan keperluan daerah (Alfarabi, et.al, 2019).

Barisan pemimpin baru yang lebih pro-Barat dan angkatan tentera yang anti PKI sekaligus mencorakkan hala tuju hubungan dengan kuasa Barat. Dalam masa yang sama, perkembangan terbaru ini telah memberikan peluang kepada kuasa Barat untuk berada lebih dekat dalam pentadbiran Order Baru. Hal ini direalisasikan melalui kerjasama ekonomi dan sosial antara kedua-dua belah pihak.

#### BANTUAN EKONOMI BARAT

Kemunculan Order Baru adalah di tengah-tengah kegawatan politik dan ekonomi Indonesia. Negara ini telah dilanda krisis ekonomi yang meruncing apabila pengeluaran padi nasional telah berkurangan yang telah menyebabkan kenaikan harga yang mendadak. Pada bulan September 1965 harga padi telah meningkat dari 500 rupiah ke 1,250 rupiah sekilo dan mencapai harga tertinggi iaitu 1,600 rupiah sekilo pada awal bulan Oktober. Kenaikan harga beras juga disebabkan oleh pertambahan penawaran mata wang yang dilaporkan bertambah sebanyak 1,500 ribu juta rupiah pada akhir bulan September dan meningkat kepada 600 ribu juta pada awal tahun 1966.

Bencana banjir yang telah melanda Pulau Jawa telah menambahkan lagi masalah kekurangan sumber pertanian Indonesia pada penghujung tahun 1965 (FO 371/181457, 1965). Keadaan ekonomi domestik yang begitu merosot telah menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung beban hutang sebanyak AS\$2.5 billion. Antara hutang luar negara yang sedang dipikul oleh Indonesia adalah hutang dengan negara-negara blok komunis yang berjumlah kira-kira AS\$470 juta dan dengan 12 buah negara Non-Blok pada tahun 1966. Selain itu, mereka juga berhutang sebanyak AS\$10 juta dengan kerajaan Britain sendiri. Kemerosotan ekonomi negara Indonesia semakin ketara apabila pada bulan Disember 1965, Bank Pusat negara itu gagal untuk menyediakan kredit yang disifatkan sebagai kemuncak kepada masalah kewangan Indonesia dan kejadian ini merupakan peristiwa pertama yang berlaku dalam sejarah negara itu (Hill, 1994).

Masalah inflasi yang sedang dialami oleh pentadbiran Suharto telah menyebabkan kerajaan

baru ini mengemukakan permohonan bantuan dari pihak Barat. Sesuai dengan pendekatan pentadbiran Order Baru dalam hubungan dan kerjasama dengan negara-negara Barat, Indonesia telah mengadakan beberapa perubahan dasar melalui Dikri No. 22 dengan meluluskan pelan berikut;

1. Menggalakkan pelaburan luar di bawah undang-undang baru dengan layanan yang lebih adil oleh pemerintah baru Indonesia terhadap syarikat-syarikat luar. Oleh hal yang demikian, kerajaan boleh mengadakan kawalan terhadap syarikat-syarikat luar.
2. Meningkatkan produktiviti melalui pengurusan yang lebih baik sebagai satu sumbangan bagi memulihkan ekonomi.
3. Menggelakkan untuk membayar lebih banyak pampasan (DO 169/406, No. 1619).

Pendekatan baru ini memberikan kesan positif apabila bantuan-bantuan luar telah diterima oleh Indonesia dari negara-negara Barat dan beberapa negara lain. Ianya juga selari dengan prinsip pentadbiran Order Baru yang meletakkan pembangunan ekonomi bangsa Indonesia sebagai keutamaan kerajaan di bawah pimpinan Presiden Suharto.

#### BANTUAN AS DAN BRITAIN

AS dan Britain merupakan dua buah negara Barat yang memainkan peranan yang penting di Indonesia sejak awal kemerdekaan negara itu. Secara perbandingannya, AS merupakan antara negara yang paling banyak menyumbang bantuan kepada Indonesia. Bagi AS, Indonesia perlu dibantu bagi memulihkan semula ekonomi negara itu yang sedang kritikal. Perkara ini diakui oleh Jabatan Negara AS (U.S. Department of State) yang menyatakan,

*Despite Indonesian progress and opportunities, problems remain. "They are typical of what you would expect from 20 years of mismanagement by Sukarno on top of Dutch tradition."*

*--Weak political institutions.*

*--Endemic corruption, mismanagement and inefficiency.*

*--Dangers of creeping militarism.*

*--Anti-Chinese racialism. "I have travelled widely in the country and you can see why 32% of inner island shipping is not operating.... The harbors are blocked.... There is just 22 million dollars available to educate 40 million students.... But Indonesia does now have moderate and pragmatic leaders"*

(Memorandum, Documents 245-262, National Security File).

Walau bagaimanapun, pada awalnya AS tidak terus membuat keputusan memberikan bantuan kepada Indonesia sebaliknya menunggu permohonan secara rasmi dari kerajaan Indonesia,

*The United States Government on the other hand have so far taken the line with the more or less official but subordinate emissaries who have been in touch with them that they await a formal Indonesian approach and that they could only consider aid on an overt Government to Government basis (DO 169/406, IM 1051/7/G).*

Langkah ini merupakan sebahagian daripada strategi AS untuk tidak menonjolkan pengaruh mereka dalam hal ehwal negara tersebut di peringkat awal pentadbiran Order Baru. Dari segi bantuan mereka kepada pihak tentera Indonesia, ianya adalah penting dalam menaikkan imej sektor tersebut dan juga membawa negara itu berada di landasan yang selari dengan dasar-dasar mereka.

*Our small but important MAP has made a major contribution to encouraging the Indonesian military to move into Civic Action projects which not only contribute to economic stabilization but also help to enhance the local image of the Armed Forces. We have also had continued success in our efforts to quietly influence Indonesia's top leadership. Indonesians not only seek our aid but privately they also seek our advice, and this has enhanced our ability to influence some, but by no means all, developments. Finally, we have succeeded substantially in convincing Indonesia to do business "through channels" and to cease sending visitors to Washington armed with open-ended "hunting licenses" seeking aid and special favors (U.S. Department of State Archive, RG 59).*

Selain itu, dalam konteks yang lebih besar, AS dengan giat mendorong Indonesia untuk terlibat dengan lebih aktif dalam kerjasama serantau atas kepentingan politik dan ekonomi. Menurut Jabatan Negara AS, "*closer regional ties will encourage Indonesia to see itself as a partner and participant in a world-wide process of modernization rather than a sick patient in the hands of Western doctors*" (U.S. Department of State Archive, RG 59).

Manakala bagi Britain pula, selaras dengan matlamat untuk membina reputasi Barat dalam kerajaan baru Indonesia, Pejabat Luar (London) sangat berminat untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak tentera Indonesia. Jabatan Luar dan Pejabat Perhubungan Komanwel telah digesa supaya meluluskan bantuan jangka pendek politik sebanyak satu juta pound dan juga meneruskan pembekalan komponen Rolls Royce British terhadap peralatan Fokker Friendship yang digunakan dalam angkatan tentera Indonesia (OD 35/18, AJM 13/4). Selain dari itu juga, kerajaan British turut mempertimbangkan cadangan dari AS yang cuba untuk menggalakkan Indonesia menyertai semula komuniti antarabangsa melalui keahlian dalam Pertubuhan Pembangunan Bank Asia. Perkara ini dilaporkan oleh pihak British;

*The Americans reason that this might be the most acceptable first step for Indonesia because the Asian Development Bank is a new organization from which therefore Indonesia has not resigned in a huff, and because it would involve no complications over United Nations membership (DO 169/406, 1966).*

Selanjutnya pada 21 Februari 1967, Indonesia telah mengemukakan permohonan kepada Britain terhadap beberapa produk dari negara itu ke Indonesia. Dalam surat tersebut, Wakil Tetap Indonesia ke GATT, A. Moerad Asrawinata menyatakan;

*The Indonesian delegation is grateful for the sympathetic attitude of the United Kingdom in the trade negotiations, especially towards the interest of the less-development countries in general and Indonesia in particular. In this respect the Indonesian delegation is very hopeful that the offers made on products of interest to Indonesia be maintained (FCO 24/246, No. 305).*

Pada 25 Julai 1967, kerajaan British telah mengisytiharkan pinjaman sebanyak setengah juta pound tanpa faedah kepada Indonesia (FCO 24/246, 1967).

Tawaran bantuan ekonomi oleh negara-negara Barat semakin meningkat berikutan kemasukan semula Indonesia ke dalam PBB pada penghujung September 1966. Selain itu, Indonesia juga telah mengkaji semula perbelanjaan negara ke atas sektor pertahanan dan mengalihkan perhatian kepada keseimbangan bajet negara berikutan dengan penamatan konfrontasi dengan Malaysia pada tahun 1966. Selaras dengan orientasi ekonomi negara untuk mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan pengeluaran negara, Indonesia telah menggunakan khidmat nasihat pakar-pakar ekonomi dari Universiti Indonesia yang telah mendapat latihan daripada Barat.

#### PIHAK KETIGA

Dalam konteks bantuan Barat ke atas Indonesia, Australia (dan negara-negara lain seperti Jepun, Thailand dan New Zealand) disifatkan sebagai negara ketiga yang membantu kuasa besar (Barat) dalam hubungan dengan Indonesia. Dari segi strategi Barat, perancangan bantuan ekonomi Jepun dan Thailand kepada Indonesia sememangnya diketahui oleh British dan kerjasama ini juga merupakan sumbangan dari pihak ketiga dalam hubungan Barat dan Indonesia. Kesediaan Jepun dalam perkara ini dilaporkan oleh pihak Jabatan Luar (London) yang antara lain menyatakan:

... on 29 March the Japanese Cabinet will give approval for a donation through the Red Cross of 20,000 tons of Thai rice and two and a half million worth of Japanese textiles. Announcement of this aid will be made following the formation of the new Indonesian Cabinet. Although this assistance had been worked out before the recent East Java floods, these will provide a convenient politically acceptable rationale for Japanese aid (FO 371/187583, No. 602).

Sementara itu, Australia juga turut mengumumkan bantuan kepada mangsa banjir di Jawa. Pengumuman yang dibuat oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar iaitu Senator Gordon yang menyatakan bahawa kerajaan Australia bersedia menawarkan bantuan beras yang bernilai \$200,000 untuk tujuan tersebut. Langkah ini diikuti oleh negara Barat dan rakan mereka yang lain apabila Jepun menawarkan AS\$5 juta bagi bekalan beras, tekstil dan ubat-ubatan dan diikuti oleh Belanda yang mencadangkan bantuan sebanyak 25 juta guilders (FO 371/187584, 1966).

Bantuan ekonomi oleh pihak Barat adalah atas faktor kemanusiaan untuk membantu mangsa-mangsa banjir, namun perkara yang lebih penting adalah ia sebagai strategi untuk mendapatkan kepercayaan pemerintah Order Baru dalam usaha mereka untuk membina benteng anti-komunis di AT. Perkara ini dijelaskan oleh Canberra yang menyatakan menjelang pertengahan tahun 1966 merupakan masa yang sangat penting bagi mereka untuk mendapatkan peluang mereka di Indonesia melalui pemberian bantuan-bantuan;

*We have no illusions about the problems of a "change of heart" on the part of Indonesia, but we do see some chance that the new group coming into power will see that the only means of arresting Indonesia's internal decline is in a new economic relationship with non-Communist countries in a position to help. This will not be an easy decision for the Indonesian leadership to take and make a stick. It would involve self-discipline and restraint for both external and internal conduct* (FO 371/187584, No.440).

Sementara itu, negara-negara lain dalam kumpulan ini lebih berperanan dalam penglibatan mereka dalam badan-badan antarabangsa untuk membantu Indonesia. Sementara itu, Thailand merupakan negara yang menjadi penghubung antara Indonesia-Barat terutamanya sebelum penamatan Konfrontasi antara Indonesia-Malaysia pada 11 Ogos 1966.

#### BADAN-BADAN ANTARABANGSA

Kerajaan Order Baru juga turut bekerjasama dengan Tabung Mata Wang Antarabangsa (*International Monetary Fund-IMF*) dalam rangka memulihkan ekonomi negara. Dalam konteks penglibatan IMF

di Indonesia, AS merupakan negara yang berjaya mencari dana dari agensi-agens antarabangsa yang lain bagi membantu Indonesia (U.S. Department of State Archive, RG 59). Pada Disember 1966, satu persidangan negara-negara yang akan memberikan kredit (hutang) kepada Indonesia telah diadakan di Paris. Wakil-wakil dari Jerman, AS, Perancis, Itali, Jepun, Belanda dan Britain masing-masing telah bersetuju untuk mencadangkan kepada kerajaan masing-masing supaya menimbang untuk mengadakan peruntukan kewangan untuk membantu Indonesia.

Antara perkara yang dicadangkan ialah pelepasan cukai sepenuhnya ke atas bebanan hutang yang tidak berbayar sejak Jun 1966 serta beberapa kemudahan lain (DO 169/421, 1966). Para perwakilan juga bersetuju untuk menubuhkan sebuah badan antarabangsa yang berperanan untuk memeriksa dan menilai pembangunan ekonomi dan kewangan Indonesia serta bertukar-tukar pandangan dengan negara-negara lain dalam usaha untuk pemulihan dan menstabilkan ekonomi negara itu. Dalam pada itu, perwakilan dari Belanda mengumumkan bahawa kerajaan mereka akan mengatur satu mesyuarat yang sama di Netherlands pada awal tahun 1967 (DO 169/421, 1966). Selanjutnya pada tahun 1967, satu persidangan telah diadakan di Amsterdam yang merupakan mesyuarat pertama dari enam siri mesyuarat bulanan yang diadakan secara berkala. Mesyuarat tersebut yang dihadiri oleh perwakilan Indonesia dan para pemberi kredit dan penderma.

Perhatian pihak antarabangsa vis a vis Indonesia jelas apabila Kumpulan Antara Kerajaan Mengenai Indonesia (*Intergovernmental Group on Indonesia-IGGI*) telah dibentuk. Ia bagi memastikan pelaksanaan pembangunan ekonomi oleh pihak Barat dan juga untuk mencari peluang-peluang ekonomi di Indonesia (Leifer, 1983). Menurut Leifer lagi, peranan IGGI adalah sebagai perantara antara pihak Barat dan Indonesia dalam pembangunan ekonomi di negara itu. Perhatian AS dan Jepun yang tinggi terhadap Indonesia dilihat sebagai kesanggupan kedua-dua negara untuk memikul beban ekonomi Indonesia berasaskan kepada motif politik AS dan Jepun yang besar. Selain dari itu, suasana keselamatan di Vietnam yang semakin memuncak menjadikan IGGI sebagai salah satu instrumen yang berkesan bagi pihak Barat di samping perubahan politik dalam Indonesia telah mendorong kepada beberapa perkembangan lain.

*Political change in Indonesia had made possible the promotion of compensating stability in maritime South-East Asia. The*

*IGGI was a symbol of political endorsement to serve that end. It became the medium through which grants and loans were dispensed for Indonesia's economic recovery and development, and acted also as a watchdog to monitor the progress of economic performance and to advise an appropriate response in terms of aid (Leifer, 1983).*

Selaras dengan itu, Bank Dunia telah mengadakan pejabat perwakilan di Jakarta pada tahun 1967. Pada tahun yang sama juga, IGGI telah berjaya mendapatkan pinjaman sebanyak AS\$200 juta dan satu pertiga dari jumlah tersebut disumbangkan oleh AS dan Jepun.

Secara umumnya, bantuan Barat sememangnya diperlukan oleh Indonesia dan sekaligus telah membentuk hubungan baik negara itu dengan Barat. Ianya diakui oleh Soedjatmoko (1967);

*... economic assistance by the Western powers, as well as which have shaped and are shaping political decisions of both domestic and external significance, in a country which some of you have recently upgraded from 'potential enemy' to 'potential friend'.*

Ia merupakan sebahagian daripada strategi politik dan keselamatan bagi membawa Indonesia dalam lingkungan pengaruh Barat dalam menghadapi persaingan komunisme-Barat pada masa itu.

#### KERJASAMA SOSIAL DAN KEBUDAYAAN

Pendekatan baru negara Barat dalam hubungan mereka dengan Indonesia turut melibatkan kerjasama dalam aspek sosial dan kebudayaan yang digerakkan oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan. Bagi Britain, mereka menyediakan satu bentuk bantuan secara terus melalui agensi kerajaan di samping menggalakkan pertubuhan kebajikan negara itu untuk menyalurkan bantuan termasuk bantuan-bantuan rasmi dari kerajaan menerusi beberapa pertubuhan seperti OXFAM, Save the Children Fund, War on Want, British Red Cross dan lain-lain lagi (FO 371/187584, 1966).

Selain itu, Jabatan Penerangan British yang telah merangka beberapa objektif dalam dasar penerangan mereka di negara itu bagi menonjolkan kehebatan dan legasi kebudayaan British dalam kalangan rakyat Indonesia. Penasihat British di Indonesia iaitu James Murray mencadangkan penubuhan Joint Information Policy & Guidance Department yang antara lain bertujuan untuk:

1. Memberikan gambaran mengenai pencapaian British di Britain dan di luar negara bagi menunjukkan kejayaan kepada tugas yang dibawa oleh mereka.

2. Menonjolkan Britain sebagai sebuah negara yang progresif dalam era pasca-kolonial yang masih mempunyai kuasa dalam pembangunan dunia dan dapat menyediakan pasaran yang baik dan membekalkan bahan-bahan yang baik untuk pembangunan ekonomi Indonesia (FO 953/2374, No. 14).

Bagi mencapai objektif tersebut, antara aktiviti-aktiviti yang dipertimbangkan oleh Jabatan Penerangan British untuk dilaksanakan di Indonesia adalah seperti berikut:

1. Filem-filem yang bertujuan untuk mendidik penduduk Indonesia terutamanya dalam penggunaan Bahasa Inggeris, menonjolkan pencapaian masyarakat Indonesia (sebagaimana yang dipinta oleh kerajaan negara itu), berhibur dengan menyediakan rancangan-rancangan hiburan dan juga mengiklankan negara Britain serta produk British.
2. Pengajaran secara langsung iaitu melalui pembelajaran dan pengajaran Bahasa Inggeris di Indonesia dan juga memperluaskan peluang-peluang pengajian lanjutan di Britain. Selain dari itu, melalui peranan yang dimainkan oleh British Council, kerajaan Britain menyalurkan peminjaman buku-buku kepada Indonesia.
3. Memperluaskan berita-berita di radio melalui peranan BBC (British Broadcasting Corporation) yang bertujuan untuk memberikan pendidikan termasuk pendidikan Bahasa Inggeris.
4. Penyebaran bahan-bahan bercetak berkala (periodical), jurnal dan juga bahan-bahan yang memuatkan pandangan tokoh-tokoh akademik, politik serta masyarakat Britain dalam kalangan para pelajar Indonesia.
5. Lawatan ke Britain oleh kumpulan berpengaruh di Indonesia seperti ahli-ahli politik, kakitangan akademik, pegawai-pegawai tinggi serta wartawan-wartawan.

Britain berpandangan bahawa sokongan-sokongan dari badan penyiaran mereka mampu memberikan faedah terhadap kepentingan jangka panjang mereka di Indonesia. Sehubungan dengan Duta Britain ke Indonesia, H. Phillips mencadangkan;

*This, as I see it, should be designed to induce the régime to look to Britain for unostentatious guidance on the best way to build up an Indonesia which can contribute to the stability of South-East Asia – just as the régime is beginning to look to the United States for assistance in the more material field of economic reconstruction (FO 953/2374, No. 14).*



Berdasarkan kepada hubungan yang telah sedia terjalin sebelum ini, adalah lebih mudah bagi British untuk meneruskan hubungan dan kerjasama dalam bidang pendidikan, seni dan hiburan. Namun demikian, terdapat kecenderungan masyarakat Indonesia untuk tidak memilih bahasa Inggeris British (British English) dan bagi mengatasi masalah ini peruntukan sebanyak £14,500 telah disalurkan oleh Jabatan Penerangan Britain untuk operasi di Indonesia bagi tahun 1966/1967. Bagi terus menaja dan mempromosi kepentingan bahasa Inggeris juga, Jabatan Penerangan Britain melalui British Council telah menyumbang bahan penerbitan sebanyak 250 naskhah dari 17 edisi akhbar dan majalah yang berbeza, 35 buah terbitan berkala dan 2,000 naskhah *Commonwealth Today*. Selain daripada bertujuan untuk menambahkan minat rakyat Indonesia terhadap bahasa Inggeris British, ianya juga bertujuan untuk menambahkan maklumat mengenai Britain dalam kalangan rakyat Indonesia.

Selanjutnya, dalam usaha untuk meningkatkan peluang serta kemahiran pengajaran serta pembelajaran bahasa Inggeris di Indonesia stesen penyiaran BBC juga memperuntukkan bahan-bahan pembelajaran bahasa Inggeris secara berterusan dan dihantar ke 2,000 pusat pengajian dan pendidikan di seluruh Indonesia berasaskan kepada keperluan yang lebih besar yang diperlukan oleh Bahagian Penerangan British di Indonesia terutama dalam membantu British Council menjalankan operasi mereka (FO 953/2374, No. 14). Keperluan peruntukan yang lebih besar bagi menampung aktiviti sosial British Council di Indonesia adalah kerana;

1. Permintaan dari sebahagian masyarakat Indonesia untuk menguasai bahasa Inggeris, menyediakan diri dengan kelayakan pendidikan Inggeris dan berminat untuk melanjutkan pengajian di pusat pengajian tinggi British.
2. Dari segi kepentingan politik pula kerajaan British perlu meneruskan hubungan dengan para pelajar Indonesia yang sebelum ini telah memainkan peranan yang besar dalam mencemarkan nama Sukarno.
3. Berasaskan kepada minat yang mendalam dalam kalangan pelajar-pelajar Indonesia terhadap pendidikan Barat khususnya bahasa Inggeris British, adalah penting bagi British merebut kesempatan ini kerana peluang yang sedia ada jika dibiarkan akan diambil oleh kuasa-kuasa Barat lain seperti AS, Australia, Belanda, Jerman dan Perancis yang telah mengemukakan tawaran

mereka kepada Indonesia dan perkembangan ini akan merugikan British ((FO 953/2374, No. 15).

Penglibatan British Council adalah penting dari segi kepentingan jangka panjang British di Indonesia walaupun melibatkan kos operasi yang tinggi. Ianya bertujuan untuk mendekati negara itu dengan kuasa Barat dan bukan condong kepada kuasa komunis iaitu Rusia. Menurut T.J.M. Sutherland selain dari terdapat permintaan yang tinggi di kalangan rakyat Indonesia sendiri, pembukaan semula British Council (yang ditutup berikutan dengan Konfrontasi Indonesia-Malaysia) adalah berasaskan kepada faedah "cultural presence" di Indonesia yang disifatkan sebagai negara yang paling berpengaruh di rantau ini. Pihak British juga bimbang, sekiranya peluang ini tidak diambil oleh mereka, kesempatan tersebut akan diisi oleh AS dan kemungkinan besar juga oleh Australia (FCO 13/98, CR 3/1/162/1). British juga turut membuka peluang yang lebih luas bagi para pelajar Indonesia untuk melanjutkan pengajian di Britain dalam bidang teknikal. Namun, ianya agak mendukacitakan kerana sebahagian besar dari para pelajar Indonesia gagal menepati syarat-syarat kelayakan yang diperlukan oleh institusi-institusi pengajian di Britain pada masa itu (CO 1045/1076, 1966).

Meskipun demikian, usaha-usaha yang lebih giat telah dijalankan di Indonesia untuk mempertingkatkan kerjasama pendidikan dan teknikal antara Indonesia dengan Britain. Pada awal tahun 1967, Brigedier Jeneral Sudarmono telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Bantuan Teknikal yang mengambil contoh model yang telah dijalankan di Malaysia dan Thailand. Jawatankuasa ini memberikan tumpuan kepada langkah-langkah mengenal pasti bidang kerjasama seperti tenaga pakar, latihan, biasiswa dan keperluan material seperti buku-buku dan juga peruntukan kewangan terhadap bantuan teknikal tempatan (CO 1045/1076, 1967). Sementara itu, British menambah bantuan teknikal tahunan dan lain-lain yang berjumlah 100 ribu pound sterling di samping peruntukan dalam Colombo Plan yang telah diberikan secara tahunan kepada Indonesia yang berjumlah lima juta pound sterling setiap tahun (DO 69/406, 1966).

Bantuan ke atas institusi pendidikan di Indonesia juga turut dilaksanakan oleh AS. Menurut sumber Jabatan Negara AS, "Our informational and cultural programs have expanded modestly during the past year, with particular emphasis being placed on distribution of one-half million American books

to Indonesian educational and other institutions” (Memorandum, 12/68-1/69, U. S. Department of State Archive). Sementara itu, Perancis pula mempunyai penasihat kebudayaan yang aktif yang telah membiayai pertunjukan-pertunjukan kebudayaan dan pameran di Indonesia.

Bagi mewujudkan hubungan budaya dan mengelakkan dakwaan bahawa kerajaan Order Baru adalah terlalu condong kepada pihak Barat, pentadbiran Suharto telah mengekalkan hubungan

dengan beberapa negara Non-Blok dan penyokong kuat kerajaan Order Lama seperti Jerman, Yugoslavia dan Poland. Sehubungan dengan itu, sama seperti negara-negara Barat yang lain, Jerman berpeluang mengembangkan Goethe-Institute di Jakarta. Selain itu, filem-filem serta dokumentari dari negara Poland dan Yugoslavia telah turut mendapat tempat dalam rancangan-rancangan televisyen tempatan Indonesia (FO 953/2374, no 14).

JADUAL 1. Bantuan Kebudayaan dan Pendidikan Negara-Negara Barat ke Indonesia

Negara/Badan	Bantuan/Aktiviti
British- British Council	250 naskah akhbar dari 17 edisi 35 buah terbitan berkala 2,000 naskah majalah <i>Commonwealth Today</i>
Britain- British Broadcasting Corporation (BBC)	Membekalkan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran ke 2,000 pusat pengajian dan pendidikan
Amerika Syarikat	Membekalkan 1.5 juta buku ke pusat pengajian dan institusi-institusi lain
Perancis	Membuka pusat kebudayaan Membiayai pertunjukan kebudayaan dan pameran
Jerman	Mengembangkan Goethe-Institute
Poland	Membekalkan filem dan dokumentari
Yugoslavia	Membekalkan filem dan dokumentari

Jika dilihat daripada senarai negara yang terlibat dalam kerjasama kebudayaan ini, ternyata bahawa Jerman, Poland dan Yugoslavia bukan merupakan negara kelompok kuasa besar yang anti-komunis. Namun, hubungan ini merupakan implementasi dasar bebas-aktif Indonesia yang pragmatik dalam memastikan rakyat Indonesia mendapat faedah daripada hubungan dengan negara-negara tersebut (FO 810/28, 1967).

Kuasa Barat juga turut terlibat dalam menaja pergerakan pelajar Indonesia semasa era Order Baru seperti KAMI (Kesatuan Aksi Mahasiswa Indonesia), KAPPI (Kesatuan Aksi Pemuda Peladjar Indonesia), KAPI (Kesatuan Aksi Pemuda Indonesia) dan lain-lain lagi. Kesatuan-kesatuan pelajar dan pergerakan mahasiswa Indonesia yang anti-komunis ini bangkit menjadi tulang belakang kepada kekuatan pemerintah Indonesia. Kepentingan mereka diakui oleh kerajaan AS dan adalah penting untuk mereka terus menjalinkan hubungan baik dengan pemuda-pemuda Indonesia terutamanya pertubuhan-pertubuhan pelajar demi kepentingan untuk menentang PKI di Indonesia (FO 810/28, 1967).

## KESIMPULAN

Dasar luar Indonesia kekal konsisten dengan prinsip bebas-aktif walaupun berlaku perubahan dalam pentadbiran negara dari Order Lama yang dipimpin oleh Presiden Sukarno kepada Order Baru yang diketuai oleh Presiden Suharto. Namun begitu, terdapat perubahan dari segi pengisian dasar luar bebas-aktif ini apabila pentadbiran Order Baru mengemukakan pendekatan yang lebih pragmatik dengan memberikan tumpuan untuk mendakan kerjasama dengan semua pihak berbanding dengan dasar luar sebelumnya yang turut ditunjangi oleh prinsip anti-kolonialisme. Pendekatan baru ini diambil berasaskan kepada matlamat survival politik, keselamatan dan pembangunan Indonesia pada masa itu. Dalam konteks ini, kerajaan Order Baru berpandangan bahawa adalah penting bagi mereka untuk mendampingi semua negara yang mampu membentuk hubungan baik dan ia direalisasikan melalui kerjasama-kerjasama dalam bidang ekonomi, politik dan sosial melalui hubungan bilateral dan multilateral dengan kuasa Barat. Asas hubungan dengan kuasa Barat yang dilaksanakan oleh pentadbiran Order Baru ini adalah bersifat

“menang-menang” apabila bantuan-bantuan yang diberikan bertujuan untuk membawa Indonesia lebih rapat dengan kuasa Barat berbanding dengan zaman kekuasaan Sukarno dahulu dan dalam masa yang sama Indonesia mampu memulihkan semula ekonomi dan kemajuan sosial di negara itu. Dalam masa yang sama, perkembangan hubungan Indonesia-kuasa Barat era kuasa Order Baru ini memberikan kekuatan kepada pihak Barat untuk membendung pengaruh komunis di rantau AT dalam suasana berlangsungnya Perang Dingin dalam politik antarabangsa pada ketika itu. Pada dasarnya pendekatan kuasa-kuasa Barat terhadap Indonesia dalam era Order Baru ini merupakan asas kepada dasar mereka ke atas Indonesia pada zaman-zaman seterusnya dalam memastikan legasi Barat terus berada di rantau ini. Dalam pada itu juga, kerjasama ekonomi dan sosial yang telah berlangsung antara Indonesia dengan negara-negara Barat membuktikan bahawa elemen “soft power” adalah signifikan sebagai alat dalam mewujudkan persekitaran politik yang lebih memihak kepada mereka di Indonesia khususnya dan di AT amnya.

#### RUJUKAN

- Alfarabi. 2019. Elite Lokal dan Upaya Pembentukan Wajah Baru Identitas Melayu di Indonesia Pascareformasi. *Akademika* (89 (3):143-154.
- Anderson, B.R. 2013. Impunity and Reenactment: Reflections on the 1965 Massacre in Indonesia and its Legacy. *Asia-Pacific Journal: Japan Focus* 11(15, 4): 1-16.
- Andi Suwarta. 2018. Pers dan kritik sosial pada masa Orde Baru: Studi kasus pers Mingguan Mahasiswa Indonesia di Bandung, 1966-1974. *Mimbar Pendidikan: Jurnal Indonesia Untuk Kajian Pendidikan* 3(2): 113-136.
- The National Archives of United Kingdom. 1964-1968. BT 303/481, CO 1030/1471. 1962, CO 1045/1076, CO 1045/1076, DEFE 11/786, DO 169/349, DO 169/406, DO169/421, FCO 13/98, FCO 24/246, FCO 24/7, FO 371/180310, FO 371/180311, FO 371/181457, FO 371/187583, FO 371/187584, FO 810/28, FO 953/2374, LAB 1/3/1767, OD 35/18.
- Hill, H. (ed.). 1994. *Indonesia's New Order the dynamics of socio-economic transformation*. New South Wales: Allen & Unwin.
- John Musa Renhoard. 2019. Politik Identitas Era Orde Baru di Indonesia Memasuki Era Reformasi. *Jurnal Societas Dei: Agama dan Masyarakat* 6(1):115-131.
- Kus Hananto & Sity Daud. 2020. The Evolutionary of Indonesia's Military Doctrines in Old Order, New Order and Reformation Era. *Akademika* 90 (3):15-26.
- Leifer, M. 1983. *Indonesia's foreign policy*. London: George Allen & Unwin.
- Loganathan, N. Et.al. 2020. Permintaan Pelancongan Bilateral antara Malaysia dan Indonesia. *Akademika* 90 (1) 1: 77-86.
- Mohammad Hatta. 1951. *Mendajung antara dua karang. Keterangan pemerintah diujjapkan oleh Drs. Mohammad Hatta di Muka Sidang BPKNP di Djokja pada tahun 1948*. Djakarta: Kementerian Penerangan Republik Indonesia.
- May, B. 1978. *The Indonesian tragedy*. London: Routledge & Kegan Paul.
- McGehee, R.W. 1983. *Deadly deceits: My 25 years in the CIA*. New York: Sheridan Square Publications.
- McMohan, R.J. 1981. *Colonialism and Cold War the United States and the struggle for Indonesian independence, 1945-49*. Ithaca and London: Cornell University Press.
- Phytian, M. 2000. *The politics of British arms sales since 1964*. Manchester: Manchester University Press.
- Rizal Sukma, 1995. The evolution of Indonesia's foreign policy: An Indonesian view. *Asian Survey* 35(3): 304-315.
- Rohani Hj. Ab Ghani, Mat Zin Mat Kib & Azlizan Mohd Eah. 2020. Indonesia-Malaysia Confrontation (1963-1966) and the peace talks for restoration of relationship. *Tamkang Journal of International Affairs* 23 (3): 103-143.
- Rohani Hj. Ab Ghani & Muhammad Saleh Tajuddin. 2017. G30S/PKI 1965 dan Tragedi Lubang Buaya: Sebuah Trilogi. *Journal of Nusantara Studies*. 2(2): 295-305.
- Scott, P.D. 2009. *Amerika Serikat dan penggulingan Soekarno 1965-1967*. (Alih bahasa oleh Waluyo Soebagyo Kartanegara). Jakarta: Vision 3.
- Soejatmoko. 1967. Indonesia and the world. *Australian Outlook* 2(3): 122-141.
- Syarifuddin Jurdi. 2015. *Kekuatan-kekuatan Politik Indonesia Kontestasi Ideologi dan Kepentingan*. Makassar: Laboratorium Ilmu Politik.
- U.S. Department of State Archive. 1967. National Archives and Records Administration. <https://2001-2009.state.gov/r/pa/ho/frus/johnsonlb/xxvi/4436.htm>. Retrieve on: 2 Januari 2012.
- Yahya A. Muhaimin. 1982. *Perkembangan Militer dalam Politik di Indonesia 1945-1966*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Rohani Hj. Ab Ghani (corresponding author)  
 Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah  
 Kolej Sastera dan Sains  
 Universiti Utara Malaysia  
 Kedah  
 Malaysia  
 Email:rag1162@uum.edu.my